



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM KOMUNITI CERIA WILAYAH PERSEKUTUAN MEMBERI KECERIAAN KEPADA WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 8 Februari 2015 – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menganjurkan **Majlis Pelancaran Program Komuniti Ceria di SOGO, Kuala Lumpur** yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program Komuniti Ceria diilhamkan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan sebagai tujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kehidupan yang ceria, gembira dan bersemangat agar dapat membentuk satu komuniti Wilayah Persekutuan yang berdaya maju, produktif dan harmoni. Pelbagai program/aktiviti menarik telah disusun dengan penglibatan pelbagai pihak bagi meningkatkan keceriaan, perpaduan dan kesedaran mengenai kepentingan pengukuhan institusi keluarga dan komuniti.
3. Pelaksanaan Program Komuniti Ceria berteraskan tiga program/aktiviti utama iaitu Program Kemasyarakatan yang akan memberi tumpuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan keceriaan Warga WP, Program Bantuan Sumbangan kepada golongan yang memerlukan di kawasan kejiranan dan Program Kad Komuniti Ceria.
4. Pada hari ini juga, KWP melancarkan **Kad Komuniti Ceria** untuk warga WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Warga WP boleh mendapatkan beberapa faedah yang disediakan sama ada secara langsung dari Yayasan Kesejahteraan Bandar atau rakan dagang yang terlibat seperti Pasar Raya MYDIN, dan Berjaya Card (BCARD) yang mempunyai lebih kurang 70 rakaniaga dan lebih 2000 outlet di Wilayah Persekutuan.

5. Keahlian **Kad Komuniti Ceria** disasarkan kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan dengan tujuan untuk meringankan sedikit kos perbelanjaan keperluan harian yang mana setiap ahli akan mendapat potongan harga (diskaun) di Pasar Raya MYDIN terpilih. Pemegang Kad Komuniti Ceria boleh mengumpul mata ganjaran (*points*) untuk digunakan sebagai nilai tunai daripada syarikat-syarikat yang akan menyertai program ini. Pelbagai insentif juga akan diberikan kepada ahli-ahli Kad Komuniti Ceria melalui produk dan perkhidmatan agensi-agensi di bawah Kementerian iaitu DBKL, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya.
6. Kad Komuniti Ceria ini juga boleh diakses secara online atau melalui aplikasi di dalam telefon pintar (smartphone) dan Ceria WP Apps. Ahli-ahli Kad Komuniti Ceria tidak perlu membawa kad fizikal tetapi hanya menggunakan kemudahan di dalam telefon pintar. Diharapkan dengan pengwujudan Program Komuniti Ceria ini akan dapat meningkatkan kesejahteraan dan keceriaan penduduk Wilayah Persekutuan di samping dapat mengurangkan beban kos hidup yang tinggi selaras dengan tema program ini iaitu “Sayang dan Senyum”.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR
8 FEBRUARI 2015**